

# Smartag bangun sistem GPS, RFID

**S**MARTAG Solutions Bhd bakal memperoleh asas pendapatan baru apabila sistem pengurusan kenderaan darat menggabungkan teknologi GPS dan RFID dibangunkannya siap menjelang pertengahan tahun ini.

Ketua Eksekutifnya, P K Lim, berkata teknologi dibangunkan dengan kerjasama CRUISE GPS Systems Sdn Bhd itu bakal memberikan kemudahan kepada pelanggan memantau, menjejak dan mengesan pergerakan kenderaan mereka dalam masa sebenar.

Katanya, kos pembangunan sistem baru itu dianggarkan RM3.54 juta dengan RM710,000 daripadanya dibiayai dana yang diraih sempena penyenaiaan syarikat itu, manakala selebihnya daripada dana dalaman.

"Tujuan kami melancarkannya bagi melengkapkan projek gerbang pemeriksaan daratan dan pelabuhan kami bangunkan dan potensinya boleh diperluaskan," katanya, di Kuala Lumpur, semalam.